



## THE MALAYSIAN THORACIC SOCIETY

### KENYATAAN AKHBAR

19 Ogos 2022

### MALAYSIA MEMERLUKAN GENERASI BEBAS TEMBAKAU

Setelah bacaan kali kedua di Parlimen, Rang Undang-undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 dijangka disemak oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen pada mesyuarat pertamanya pada hari Jumaat 19 Ogos. Pertubuhan Torasik Malaysia menyokong sepenuhnya cadangan Generasi Penamat yang digabungkan dalam Rang Undang-undang tersebut, bertujuan untuk mengawal selia produk tembakau dan penggantinya di kalangan generasi akan datang.

#### **Rokok Membunu**

Tidak dapat dinafikan lagi, di Malaysia, setiap tahun dianggarkan 27 200 kematian adalah akibat merokok<sup>1</sup>. Merokok boleh meningkatkan kadar kematian dari semua sebab. Penyakit akibat merokok telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada tahun kehidupan yang hilang akibat ketidakupayaan disebabkan penyakit dan kematian pramatang (DALY) di kalangan penduduk Malaysia<sup>2</sup>. Anggaran kos rawatan penyakit berkait dengan rokok dan rokok elektronik “E-cigarette or Vaping Use- Associated Lung Injury” (EVALI) akan meningkat masing-masing kepada RM8.77 bilion dan RM369 juta menjelang 2030<sup>3</sup>.

#### **Perokok Bermula Sewaktu Muda**

Merokok adalah endemik dalam masyarakat kita dan tabiat ini bermula dari waktu muda. Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2019 menunjukkan bahawa 11.6 peratus daripada mereka yang berusia 15 hingga 19 tahun adalah perokok semasa, manakala 7.5 peratus adalah pengguna rokok elektronik. Secara keseluruhan, 15.6 peratus daripada kumpulan umur ini menggunakan produk tembakau<sup>1</sup>. Angka-angka ini mungkin telah meningkat sejak itu.

Rang undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk mengurangkan perokok di kalangan rakyat Malaysia sehingga kurang daripada lima peratus menjelang 2040 dan sekaligus mengelakkan kanak-kanak dan remaja daripada terjerumus ke dalam tabiat merokok. Ia juga bertujuan untuk melindungi keseluruhan golongan bukan perokok<sup>4</sup>.

Pertubuhan Torasik Malaysia menyokong segala inisiatif untuk mengurangkan dan menghapuskan tabiat merokok dalam semua lapisan masyarakat. Normalisasi budaya tidak merokok di kalangan belia kita akan membawa kesan yang lebih besar dan lebih kekal berbanding langkah-langkah sebelum ini. Cadangan ‘Generasi Penamat’ yang digabungkan dalam Rang Undang-undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok perlu diterima pakai dan dilaksanakan secepat mungkin. Kami menggesa jawatankuasa pilihan yang ditugaskan untuk menyemak perkara ini agar mempertimbangkan secara serius kesan positif besar daripada inisiatif ini terhadap kesihatan rakyat semasa tetapi juga buat generasi akan datang seterusnya memberikan sokongan sewajarnya dengan kadar yang segera.

**Rujukan:**

1. Institute for Public Health (IPH), National Institutes of Health, Ministry of Health Malaysia. 2020. National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019: Vol. I: NCDs – Non-Communicable Diseases: Risk Factors and other Health Problems
2. Lim K H, Cheong Y L, Lim H L, et al. Assessment of association between smoking and all-cause mortality among Malaysian adult population: Findings from a retrospective cohort study. *Tobacco-Induced Diseases.* 2022;20(May):50. doi:10.18332/tid/147656.
3. Media statement by Minister of Health Malaysia, 27<sup>th</sup> July 2022.
4. Kementerian Kesihatan Malaysia. Pelan Strategik Kebangsaan bagi Kawalan Tembakau 2015-2020.

Kami yang bertandatangan di bawah ini,

**Presiden dan Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Torasik Malaysia**

Prof Madya Dr Pang Yong Kek (Presiden)

Prof Madya Dr Ahmad Izuanuddin Ismail

Dr Hooi Lai Ngoh

Dr Jessie Anne de Bruyne

Dr Lalitha Pereirasamy

Dr Su Siew Choo

Dr Asiah Kassim

Dr Tan Jiunn Liang

Dr Noor Ain Noor Affendi

Dr Nurul Yaqeen Mohd Esa

Prof Dr Roslina Abdul Manap

*Pertubuhan Torasik Malaysia adalah sebuah badan perubatan profesional yang mewakili kumpulan pakar perubatan respiratori dengan matlamat untuk memajukan pengetahuan dan amalan perubatan respiratori di Malaysia.*